

28 JAN 1998

Tahun Baru (Rangkuman)

TAHUN BARU CINA TETAP MERIAH

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Masyarakat Cina menyambut Tahun Baru mereka dalam suasana meriah hari ini sekaligus memulakan perayaan berkembar kerana umat Islam pula akan menyambut Hari Raya Aidilfitri sama ada esok atau lusa.

Perayaan kali ini turut menyaksikan tempoh cuti umum hampir seminggu terutama bagi penduduk ibu kota dan Labuan kerana Hari Wilayah Persekutuan disambut pada 1 Feb, menjadikan ibu negara lengang apabila ramai penghuninya pulang ke kampung.

Seperti biasa, tradisi Tahun Baru Cina terus diamalkan dengan masyarakat Cina mengadakan rumah terbuka serta persembahan tarian singa. Umat Islam tidak ketinggalan mengunjungi rumah terbuka meskipun mereka berpuasa.

Di ibu negara, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim mengunjungi rumah terbuka yang diadakan oleh MCA dan Parti Gerakan.

Di PULAU PINANG, Yang Dipertua Negeri Tun Hamdan Sheikh Tahir ialah antara ratusan tetamu yang hadir pada majlis rumah terbuka Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon sempena sambutan Tahun Baru Cina hari ini.

Majlis yang berlangsung di Dewan Sri Pinang itu turut dihadiri oleh Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Yahya Abdul Hamid, Timbalan Ketua Menteri Datuk Mohd Shariff Omar, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Ibrahim Saad serta beberapa anggota Exco Kerajaan Negeri.

Di IPOH, sambutan Tahun Baru Cina disambut secara sederhana. Pertubuhan politik dan persatuan Cina hanya akan mengadakan rumah terbuka esok dan selepas Hari Raya Aidilfitri.

Dewan Perhimpunan Cina Perak akan mengadakan rumah terbukanya esok di No. 35-37, Tingkat Tiga, Jalan Tun Sambathan manakala Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik akan mengadakan rumah terbukanya pada Sabtu di Dewan Ku Tien, Air Tawar.

Di Kuantan dan Kuching, hujan lebat turun sejak awal pagi namun acara rumah terbuka tetap diteruskan.

Di Melaka, pusat-pusat membeli belah masih dibuka bagi membolehkan masyarakat Islam membuat persediaan akhir menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Di kalangan pemimpin, hanya anggota Exco Datuk Poh Ah Tiam mengadakan majlis rumah terbuka hari ini iaitu pada sebelah malam di rumahnya di Taman Melaka Baru.

Pengerusi MCA negeri, Datuk Gan Boon Leong mengadakan majlis yang sama pada Sabtu di rumahnya di Jalan Kubu.

Turut menganjurkan majlis pada hari yang sama ialah Pengerusi Gerakan negeri Datuk Chua Peng Song di rumahnya di Bukit Baru.

Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Dr Fong Chan On pula mengadakan majlis rumah terbuka pada 7 Feb ini di Dewan Hang Kasturi, Selandar.

Di KUALA TERENGGANU, rumah terbuka diadakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Kesihatan dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Wong Foon Meng.

Di JOHOR BAHARU, masyarakat Tionghua rata-ratanya memulakan sambutan tahun baru dengan berkunjung ke tokong-tokong untuk bersembahyang dan melawat saudara mara mereka.

Di SABAH, sambutan Tahun Baru Cina dirayakan dengan penuh kemeriahan sekalipun dalam keadaan ekonomi kurang memberangsangkan sekarang.

Bagaimanapun, kebanyakan orang kenamaan termasuk Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee akan mengadakan rumah terbuka esok. -- BERNAMA

TM MAI